

03/02/2003

## Sistem PAJ `Jelajah Malaysia'

TANPA mengabaikan kecemerlangan dalam pendidikan, sistem pengajian berteraskan Pendidikan Agama Johor (PAJ) berpotensi melahirkan generasi ummah yang turut dibekalkan pelajaran agama.

Kesungguhan pelaksanaan sistem PAJ dalam Jabatan Agama Johor (JAJ) dan Majlis Agama Islam Johor (Maij) turut menarik perhatian pimpinan negara yang mahukan umat Islam berjaya mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat, sekali gus mengikis gambaran negatif yang sering dikaitkan dengan penganut agama itu.

Beberapa siri taklimat PAJ turut diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membuat kunjungan berasingan ke negeri ini, baru-baru ini.

Berikutan itu, kerajaan negeri diketuai Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, diberi peluang mengadakan siri lawatan dan penerangan ke seluruh negara berkaitan keberkesanan dan pelaksanaan PAJ kepada semua Menteri Besar, mulai Khamis.

Pengarah JAJ, Datuk Wahid Dahlan, berkata dalam program `Jelajah Malaysia' itu, beberapa isu dijangka dibincangkan termasuk kecemerlangan pendidikan agama dan akademik selain mengadakan muzakarah.

Katanya, pada Khamis lalu, taklimat pertama disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Ayub Mion kepada Menteri Besar Perak dan disusuli negeri lain, termasuk Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Pendidikan TAJ, Tahrir Shamsuddin, berkata Johor menjadi benteng terakhir negara ini bukan saja di segi politik, malah pendidikan agama sejak 1918.

Katanya, kejayaan negeri menyusun semula struktur pendidikan agama menjadi pemangkin kejayaan rakyat yang mahukan kecemerlangan dalam semua bidang.

Beliau juga Pengarah Lembaga Peperiksaan Pendidikan Agama negeri berkata, keputusan keseluruhan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Menengah Rendah Agama (SMRA) 2002 yang dikeluarkan baru-baru ini, mencatatkan keputusan menggalakkan.

Seramai 800 atau 89 peratus daripada 904 pelajar yang menduduki peperiksaan SMA seluruh negeri tahun lalu lulus cemerlang.

Dalam keputusan SMA, Sekolah Menengah Agama At-Tanwiriah, Muar dan Sekolah Menengah Agama Darul Ulum, Muar masing-masing lulus 100 peratus; Sekolah Menengah Agama Lughatul Quran, Muar (99 peratus) dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan, Kluang (98 peratus).

Katanya, daripada 1,892 calon menduduki peperiksaan SMRA, 82 peratus calon lulus cemerlang di mana 131 mendapat Mumtas, 393 (Jayid Jiddan) dan 532 (Jayid) dan selebihnya, Makbul.

Tahrir berkata, keputusan SMRA yang membabitkan calon yang bakal menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) tahun ini menyaksikan

kejayaan  
cemerlang di empat sekolah.

"Sekolah yang memperoleh pencapaian SMRA terbaik tahun ini ialah Sekolah Menengah Agama As-Saadiah, Muar (lulus 100 peratus); Sekolah Menengah Agama Kerajaan, Kluang (99 peratus); Sekolah Menengah Arabiah Kluang (98 peratus) dan Sekolah Menengah Agama Darul Ulum, Muar (92 peratus)," katanya.